

20) RUMAH SELANGORKU UNTUK GOLONGAN B40

Adun : Y.B. Tuan Muhaimin Harith Bin Abdullah Sani (Batang Kali)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah inisiatif untuk membantu golongan B40 memiliki Rumah Selangorku atau rumah mampu milik khusus pendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000.00?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan atau golongan yang belum bersedia memiliki kediaman sendiri supaya dapat menyewa kediaman yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran iaitu 20% - 30% lebih murah daripada pasaran. Tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama dua (2) tahun dan maksima selama lima (5) tahun.

Di akhir penyewaan tersebut, pemulangan sebanyak 30% daripada jumlah sewaan yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan untuk tempoh minima selama dua (2) tahun. Dengan pengembalian semula sebanyak 30% wang sewaan kepada pemohon selama tempoh simpanan tersebut bolehlah bayaran tersebut dijadikan sebagai sebahagian daripada wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri juga melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit.

- b) Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku sehingga tahun 2025 dan jumlah pemohon yang berjaya mendapat Rumah Selangorku untuk golongan B40?**

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor (SEPOHON), sehingga tahun 2025 terdapat sebanyak 11,216 permohonan daripada golongan B40, iaitu kumpulan berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,800 sebulan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,975

orang pemohon daripada golongan yang sama telah menerima tawaran unit kediaman.

Berdasarkan rekod SEPOHON, jumlah permohonan Rumah Selangorku (RSKU) adalah tinggi setiap tahun namun hanya sebilangan kecil yang layak dipertimbangkan untuk ditawarkan. Hal ini disebabkan beberapa faktor antaranya adalah kelayakan pendapatan isi rumah melebihi had kelayakan pendapatan yang ditetapkan dan tidak mendapat kelulusan pembiayaan perumahan.